

## PENERAPAN ILMU GENDER DI SEKOLAH AGAMA JOHOR: SATU TINJAUAN AWAL

Mohammad Ramzi Zakaria<sup>1</sup>, Asmaa Hakimah Abd Halim<sup>2</sup> & Rafedah Mohd Said<sup>3</sup>

<sup>1&3</sup>Sekolah Pengajian Islam, Kolej Pengajian Islam Johor

<sup>2</sup>Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstrak

*Mutakhir ini, masalah kecelaruan gender di Malaysia kian berleluasa dan menjadi isu dalam negara. Punca permasalahan yang dikenalpasti berlaku kerana kurangnya pengetahuan dan pendedahan agama terutama dalam hal berkaitan gender menurut perspektif Islam. Kajian ini telah dijalankan secara kualitatif dengan menganalisis silibus sedia ada yang digunakan di Sekolah Agama Johor. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauhmana pengetahuan berkaitan gender menurut Islam diterap dan dalam silibus di Sekolah Agama Johor. Kajian ini mendapati penerapan ilmu gender tidak disentuh secara menyeluruh dan berstruktur di peringkat sekolah. Kajian ini turutmencadangkan agar ilmu berkaitan gender perlu didedahkan dalam kandungan di sekolah agama Johor agar pelajar didedahkan di peringkat awal usia dan mampu menangani cabaran apabila mendepani usia remaja*

**Kata kunci:** *Rekayasa, ilmu, gender, sekolah agama Johor*

### Perkembangan Artikel

Diterima: 5/7/2020

Disemak: 19/11/2020

Diterbitkan:

15/12/2020

### Penulis Utama:

Mohammad Ramzi Zakaria

Sekolah Pengajian Islam, Kolej Pengajian Islam Johor, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia

### E-mel:

ramzi.zakaria9029@yahoo.com

## PENGENALAN

Kecelaruan identiti gender sering menjadi alasan ke atas mereka sebagai satu kesempatan diri dalam melakukan perbuatan transgender. Ini boleh dibuktikan melalui kes *Juzaili Bin Mohd Khamis dan Lain-lain*<sup>1</sup> yang menggunakan alasan tersebut, bahawa mereka mengalami penyakit kecelaruan ke atas gender yang dikenali sebagai *Gender Identiti Disorder (GID)*. Di samping itu, permasalahan ini berlaku atas faktor kekurangan pendedahan agama daripada permulaan kanak-kanak lagi, sama ada di rumah mahupun sekolah. Mereka yang mengalami masalah ini merasakan bahawa roh yang diciptakan oleh Allah Ta'ala ini dimasukkan dalam jasad yang bertentangan dengan gender asal. Kepercayaan dan perasaan ini sangatlah bertentangan dengan akidah Islam. Permasalahan ini telah menjadi perhatian sejak dahulu lagi oleh mantan Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi telah beberapa kali menyarankan supaya usaha-usaha terkini perlu dilakukan bagi melahirkan bangsa yang berpersonaliti unggul (*Towering Personality*).

<sup>1</sup> Mohamad, A.H. (2014, 21 Desember). Bidangkuasa Persekutuan dan Negeri Mengenai Undang-undang Jenayah di Malaysia. Retrieved June 1, 2015, from Abdul Hamid Mohamad:<http://tunabdulhamid>.

Begitu juga pandangan mantan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman,<sup>2</sup> apabila beliau membangkitkan isu ini dengan menyatakan bahawa peningkatan gejala lelaki lembut khususnya dalam kalangan pelajar universiti sehingga menjadi liputan meluas dalam media massa. Bagi memulakan penelitian lanjut dan mengenal pasti antara punca yang membawa kepada permasalahan ini, penyelidik melakukan pendekatan dari sudut pendidikan awal melalui penelitian kandungan silibus yang digunakan di sekolah-sekolah. Penulis memulakan dengan kajian buku teks agama Johor adalah sebagai satu pendekatan awal, di mana kandungan buku teks agama Johor merupakan buku yang direka, ditulis, diterbitkan dan dicetak di bawah Jabatan Agama Negeri Johor berbanding buku-buku teks sekolah agama negeri-negeri lain yang merujuk pada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

## **GENDER MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Istilah gender tiada penggunaan kata dalam Islam tetapi dalam Bahasa Melayu yang memberi gambaran yang tepat tentang istilah gender. Namun ia masih diertikan sebagai jantina<sup>3</sup> atau golongan jenis jantina pada tatabahasa.<sup>4</sup> Walaupun begitu, Islam tidak terlepas dalam membicarakan tentang persoalan gender. Ini kerana Islam adalah agama yang syumul merangkumi semua aspek dalam kehidupan. Fitrah kejadian gender yang berbeza diceritakan dalam al-Quran dan ia menjadi bukti keagungan dan kekuasaan Allah SWT. Allah SWT berfirman di dalam Surah an-Nisa ayat 1 yang bermaksud:

Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam), dan menjadikan daripada(Adam) itu pasangannya(isterinya Hawa), dan membanyakkan diri keduanya iaitu zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namanya, dan peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati(mengawas) kamu.

Begitu juga dalam firman Allah Ta'ala lagi dalam surah Surah al-Hujurat ayat 13 bermaksud:

Mereka tidak percaya kepada al-Quran yang engkau bawa, pada hal telah pun berlaku undang-undang membinasakan orang-orang yang berlalu (yang mendustakan rasul-rasul-Nya).

Di samping itu, gender ini dapat dinyatakan melalui perbezaan sifat sosial budaya yang menjadi satu tanda aras nilai yang mengacukan sistem hubungan sosial yang membezakan fungsi dan peranan bagi lelaki dan perempuan dengan berdasarkan perbezaan biologi. Gender juga adalah satu pandangan atau keyakinan yang dibentuk masyarakat melalui tingkah laku ataupun pemikiran. Sebagai contohnya, seorang perempuan akan memikirkan harus pandai memasak, pandai menjaga kecantikan diri, sifat lemah lembut, bersifat sensitif, dan manakala lelaki pula dicipta melalui jiwa yang berkepimpinan, ketua keluarga, tegas, bertanggungjawab. Berdasarkan perincian ini, jelas menunjukkan Islam telah menentukan aturan ke atas lelaki dan perempuan melalui peranan dan fungsi masing-masing dengan berdasarkan fitrah kehidupan

---

<sup>2</sup> Hairulazim Mahmud, Utusan Malaysia, 9 Julai 2003, *Ada Ibu Bapa Galak Anak Lelaki Berwatak Lembut Siti Zaharah*.

<sup>3</sup> Anon, *Kamus Dewan ed. Ke-4, 2013*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 457

<sup>4</sup> Joyce M.Hawkin, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar ed. Ke-5, 2014*, Oxford Fajar Sdn Bhd., Shah Alam, hlm.183

semula jadi.<sup>5</sup> Perbezaan dan persamaan ini bukan satu perkara yang menunjukkan ketidakadilan ke atas gender, tetapi ia merupakan satu pembahagian tugas yang mencapai kebahagiaan hakiki untuk mendapat keridaan Allah Ta'ala. Dalam perkara ini, hak-hak telah diberikan secara adil dalam Islam sama ada lelaki ataupun perempuan. Maka tidak perlulah untuk meminta, menuntut atau memperjuangkan seperti mana dalam firman Allah Ta'ala dalam surah al-Ahzab ayat 35 bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatan serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatan, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah yang banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak. Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa lelaki dan perempuan mempunyai hak dan kewajiban yang sama dalam Islam seperti mana dituntut mahupun perkara yang perlu dihindari dalam Islam. Dengan berdasarkan skop gender dalam perspektif Islam bahawa kedudukan antara lelaki dan perempuan adalah sama sebagai hamba Allah. Ini seperti mana dalam firman Allah Ta'ala surah Surah an-Nahl ayat 97 yang bermaksud:

Sesiapa yang beramal soleh, daripada lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; Dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, akan pahala mereka, dengan balasan yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan.

Lelaki dan perempuan masing-masing menikmati kedudukan dan keistimewaan yang sama rata sehingga wujudnya hak-hak dan tanggungjawab dalam aspek kehidupan, keluarga, bangsa dan negara. Islam amat menitik beratkan konsep keseimbangan, keserasian, keselarasan, keutuhan hubungan yang baik antara manusia dan kehidupan sekeliling.<sup>6</sup> Dengan merujuk konsep ini, gender menurut perspektif Islam lebih menyatakan aturan keadilan gender dalam masyarakat, tetapi secara teologinya dalam mengatur pola kehidupan manusia dan alam adalah Allah Ta'ala. Oleh itu, manusia dapat menjalankan fungsi khalifah dengan jayanya apabila ia menggunakan kehidupan yang sebaik-baiknya seperti yang dinyatakan tujuan umum syariah iaitu keadilan dan kebajikan. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah Ta'ala dalam firmannya Surah an-Nahl ayat 90 bermaksud:

---

<sup>5</sup> Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil, Azilah Mohamad Nor, Narimah Samat, Jas Laile Suzana Jaafar, 2012, Difusi Ruangan Budaya Transeksualiseme dan Imaginasi Geografi Pelajar Lelaki Berpenampilan Silang di Universiti Tempatan Malaysia, *Jurnal of Social Science and Humanities*, Selangor, hlm. 78.

<sup>6</sup> Juhaja S. Praja, Epistemologi Ibn Taimiyah, *Jurnal Ulumul Quran*, 1990, No. 7.

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberikan bantuan kepada kaum kerabat; Dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji, dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu kamu (dengan suruhan dan larangan ini), sampai kamu mengambil peringatan mematuminya)

## KLASIFIKASI GENDER

Isu gender sering menjadi tumpuan perdebatan pada hari ini lantaran banyaknya persoalan sama ada berkaitan kesamarataan, hak dan layanan yang sama rata dari sudut pekerjaan dan hal-hal lain yang berkaitan, serta isu-isu lain yang lebih sensitif seperti isu transgender dan sebagainya.<sup>7</sup> Dalam perspektif Islam, gender ini diklasifikasikan kepada dua iaitu lelaki dan perempuan. Namun, terdapat juga kecelaruan gender ini berlaku atas faktor semula jadi, tetapi kedudukan ini tidak menjejaskan gender dan fitrah diri. Pembahagian gender ini dapat dijelaskan seperti berikut:

### i. Lelaki

Lelaki atau dengan nama lain menurut Kamus Dewan iaitu laki-laki<sup>8</sup> atau kelakian<sup>9</sup> bermaksud jantan.<sup>10</sup> Menurut Kamus Idris Al-Marbawi, lelaki dalam Bahasa Arab iaitu *rajulun* (رجل)<sup>11</sup> atau dijamakkan iaitu *rijalun* (رجال).<sup>12</sup>

### ii. Perempuan

Menurut Kamus Idris Al-Marbawi, perempuan dalam Bahasa Arab adalah *nisa'* (نساء) iaitu perempuan atau betina.<sup>13</sup> Manakala dalam Kamus Dewan Bahasa perempuan adalah wanita iaitu lawan kepada lelaki.<sup>14</sup>

### iii. Khunsa

Istilah *khunsa* berasal daripada perkataan Arab *خنث* yang bermaksud lembut atau lembik seperti kelakuan perempuan.<sup>15</sup> Menurut Kamus Dewan, *khunsa* diertikan sebagai orang yang mempunyai dua alat kelamin.<sup>16</sup> Golongan istimewa ini diciptakan Allah SWT sebagai sebahagian daripada bukti kekuasaan Allah SWT kerana mereka mempunyai ciri fizikal dan naluri yang istimewa sejak lahir. Oleh itu, dalam Islam memperakui kewujudan golongan ini dalam masyarakat yang dipanggil *khunsa* iaitu seseorang yang mempunyai kedua-dua alat kelamin lelaki dan perempuan.

Ulama fiqh membahagikan *khunsa* kepada dua keadaan iaitu *khunsa ghayr musykil* dan *khunsa musykil*. *Khunsa ghayr musykil* merupakan khunsa yang memiliki tanda-tanda kelakian dan keperempuanan serta dapat dibezakan sama ada lelaki atau perempuan semasa bayi oleh

<sup>7</sup> Mohamad, A.H. (2014, 21 Desember). Bidangkuasa Persekutuan dan Negeri Mengenai Undang-undang Jenayah di Malaysia. Retrieved June 1, 2015, from Abdul Hamid Mohamad: <http://tunabdulhamid>.

<sup>8</sup> Anon, *Kamus Dewan Bahasa*, Edisi Ke-4, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 2013, hlm 870.

<sup>9</sup> Anon, *Kamus Dewan Bahasa*, hlm 870.

<sup>10</sup> Anon, *Kamus Dewan Bahasa*, hlm 870.

<sup>11</sup> Mohd Idris Abdul Rauf Al-Marbawi, *Kamus Idris al-Marbawi*, Darul Fikir, Kuala Lumpur, 1990, hlm 228.

<sup>12</sup> Mohd Idris Abdul Rauf Al-Marbawi, *Kamus Idris al-Marbawi*, hlm 228.

<sup>13</sup> Mohd Idris Abdul Rauf Al-Marbawi, *Kamus Idris al-Marbawi*, hlm 312.

<sup>14</sup> Anon, *Kamus Dewan Bahasa*, hlm 1182.

<sup>15</sup> Mohd Idris Abdul Rauf Al-Marbawi, *Kamus Idris al-Marbawi*, hlm 189.

<sup>16</sup> Anon, *Kamus Dewan Bahasa*, hlm 782.

warisnya melalui pemerhatian sifat dan ciri alat kelamin tersebut. Ia juga dikenal pasti dengan berdasarkan alat kelamin yang mana satu tempat keluar air kencing terlebih dahulu. Pada dasarnya jantina khunsa dapat dikenal pasti dengan berdasarkan yang mana alat lebih dominan berbanding dengan yang satu lagi yang kurang berfungsi.<sup>17</sup>

*Khunsa ghayr musykil*<sup>18</sup> juga berdasarkan keadaan seseorang pesakit yang mempunyai dua alat kelamin, tetapi ciri-ciri salah satu jantina telah mendominasi jantina lain, yang menunjukkan penentuan jantinya amat jelas. Keadaan ini adalah serupa dengan seorang lelaki yang mempunyai alat kelamin perempuan.

Manakala *khunsa musykil* merupakan individu yang tidak diketahui langsung jantinya disebabkan tiada sebarang tanda-tanda yang boleh diklasifikasikan sebagai lelaki ataupun perempuan. Individu ini juga terdapat dua alat kelamin dan air kencingnya keluar serentak dari kedua-dua alat tersebut serta identiti jantinya sukar dibezakan atau hanya dapat dibezakan setelah baligh.<sup>19</sup>

Musykil ini hilang apabila dapat ditentukan dari mana tempat mula air kencing atau kuantiti yang paling banyak atau dikira yang paling akhir berhenti. Jantina mereka juga boleh ditentukan setelah baligh dengan tanda-tanda yang dikenal pasti sama ada memiliki ciri-ciri kewanitaan atau kelakian.<sup>20</sup>

*Khunsa musykil*<sup>21</sup> dapat diklasifikasikan kepada tiga keadaan yang dapat dijelaskan seperti berikut:

- i. Seseorang yang tidak mempunyai zakar atau faraj di bahagian qubul, tetapi terdapat daging yang menonjol yang mengeluarkan air kencing;
- ii. Seseorang yang hanya mampu mempunyai satu ruang sama ada untuk membuang najis besar atau najis kecil; atau
- iii. Seseorang yang tidak mempunyai sebarang tempat keluar najis, tetapi dia memuntahkan apa yang dimakan.

Justeru, faktor tempat air kencing keluar merupakan tanda umum bagi menentukan individu khunsa sama ada lelaki atau perempuan, tetapi apabila anggota kelamin lelaki atau perempuan mengeluarkan air kencing serentak atau tidak dapat ditentukan kuantiti maka ia dianggap *khunsa musykil*.

#### **iv. Mukhannas**

Menurut dalam Kamus *Mu'jam Lughat al-Fuqaha, al-mukhannas* bermaksud lelaki menyerupai wanita dalam cara berjalan, bercakap, kemanjaan dan kelembutannya.<sup>22</sup> Manakala dari segi istilah, *mukhannas* adalah seseorang lelaki yang menyerupai seorang perempuan pada

---

<sup>17</sup> Ahmad Tarmizi Muhammad, Kes Kecelaruhan Jantina (Khuntha): Satu Analisis Dari Sudut Syarak dan Perubatan, *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil 27, JAKIM, Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2016, hlm. 77.

<sup>18</sup> Zuhair Ahmad al-Saba'i dan Muhammad 'Ali al-Bar, *al-Tabib Adabuh wa Fiqhuh*, Cet. 1, Dar al-Qalam, Damsyik, 1993, hlm. 314.

<sup>19</sup> Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad, jld 6, *al-Mughni*, Dar Ahya' al-Turath al-'Arabiyy, Beirut, t.t, hlm 254.

<sup>20</sup> Al-Humam Al-Maulana Sheikh Nizam, *al-Fatwa al-Hindiyyah*, Abdul Latif Hasan Abdul Rahman (pytg), jil. 6, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 2000, hlm 486.

<sup>21</sup> Zuhair Ahmad al-Saba'i dan Muhammad 'Ali al-Bar, *al-Tabib Adabuh wa Fiqhuh*, Cet. 1, Dar al-Qalam, Damsyik, 1993, hlm. 314.

<sup>22</sup> Zaliha Tak, *Khuntha dan Mukhannath Menurut Perspektif Islam*, JAKIM, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 12.

kelembutan, percakapan, pandangan, pergerakan dan sebagainya.<sup>23</sup> Menurut mazhab Syafie, *mukhannas* merupakan seorang lelaki yang bersifat keperempuanan dalam pergerakan badan, jika sedemikian sifatnya maka ia tidak berdosa.<sup>24</sup> Manakala, bagi mazhab Imam Abu Hanifah, *mukhannas* ialah seorang lelaki yang mengalami kematian daripada tingkah laku seorang lelaki maka ia bertingkah laku sebaliknya bahkan melampaui batas dengan meletakkan dirinya kepada sifat keperempuanan sama ada pergerakan anggotanya lembut dan suaranya pecah daripada asal kejadiannya seorang lelaki.<sup>25</sup> Mazhab Imam Maliki menjelaskan *mukhannas* merupakan seseorang itu keterlaluan yang disebabkan oleh dirinya sendiri serta memiliki sifat keperempuanan yang bersangatan sehingga menyerupai seorang perempuan dari segi kelembutan, percakapan, perwatakan, suara, akal fikiran dan perbuatan.<sup>26</sup> Menurut pendapat mazhab Imam Ahmad menyatakan *mukhannas* merupakan seorang yang tiada syahwat atau rosak syahwatnya yang berkelakuan seperti perempuan daripada sifat seorang lelaki.<sup>27</sup>

Oleh itu, berdasarkan perbahasan di atas *mukhannas* terbahagi kepada dua golongan, pertama seseorang yang mempunyai ciri kewanitaan secara semula jadi, iaitu tidak mengadakan sifat itu dengan sendirinya dan tidak membuat sebarang perubahan pada bentuk fizikal asal dan tidak juga meniru sebarang perwatakan, perbuatan atau pakaian wanita. Maka golongan ini tidaklah berdosa sebagaimana pendapat mazhab syafie. Manakala golongan kedua, iaitu *mukhannas* adalah jantina seseorang lelaki namun berkeinginan menjadi seorang perempuan sehingga mengikut dan meniru ciri-ciri atau gaya seperti seorang perempuan sama ada percakapan, perwatakan, pakaian pemikiran atau sifat-sifat feminin yang lain. Begitu juga *al-mutarajjilat* yang merujuk kepada perempuan yang menyerupai dan meniru lelaki dari segi pakaian, percakapan dan perbuatan. Maka, golongan *mukhannas* dan *mutarajjilat* inilah yang dikutuk oleh Rasulullah s.a.w dan termasuk dalam golongan yang dilaknat, sebagaimana dalam hadis sahih Bukhari (no. 5885) yang bermaksud:

Rasulullah SAW melaknat para lelaki yang menyerupai perempuan dan para perempuan yang menyerupai lelaki.

Pengkhususan kategori gender ini hakikatnya adalah sesuatu yang tidak dinafikan berlaku dan dibincangkan dalam perspektif Islam. Namun, dalam konteks pendidikan anak-anak dan bersifat umum, hal-hal berkaitan dengan kaedah pengurusan terutama dalam pengurusan seseorang yang telah akil baligh serta perubahan dalam diri perlulah diterapkan dalam pendidikan agar mereka dapat memahami perubahan dalam diri mereka sama ada secara fizikal, emosi mahupun rohani.

Aspek –aspek ini perlulah diajar agar anak-anak lebih bersedia dan tidak mudah terikut dengan layanan emosi seandainya mereka mempunyai kecenderungan ataupun emosi yang luar dari kebiasaan gender yang normal. Pendidikan ini dilihat sebagai pengisian yang perlu, dan bagi langkah awal, penelitian dilakukan dalam silibus untuk mengenal pasti sejauh mana penerapan aspek gender ini dimasukkan dalam silibus persekolahan, terutama dalam pengajian

<sup>23</sup> Zaliha Tak, *Khuntha dan Mukhannath Menurut Perspektif Islam*, hlm. 12.

<sup>24</sup> Ibn ‘Abd al-Bari, *al-Tamhid Lima fi al-Muwatta min al-Ma’ani wa al-Asanid*, Maktabah al-Madinah al-Raqmiyyah, Madinah, t.t., hlm 273.

<sup>25</sup> As-Sarakhi, Muhammad bin Ahmad bin Abu Suhhal, *Kitab al-Mabsut fi al-fiqh al-Hanafi*, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 2009, hlm. 254.

<sup>26</sup> Al-Muqaddisi, Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah, *Al-Mughni: As-Syarah al-Kabir a’la Matni*.

<sup>27</sup> An-Numari, Ibn Abd al-Bar, *At-Tamhid lima fi al-Muwatta’ min al-Ma’ani wa al-Asanid*, Magribi, Beirut, 1967.

agama memandangkan hal berkaitan penjagaan kesucian diri ini banyak digarap dalam topik bersuci atau taharah.

## 1. Kandungan Buku Teks Agama

Penerapan ilmu agama yang diterapkan dalam kandungan buku teks di sekolah agama Johor adalah seperti berikut:

Jadual 1: Senarai kandungan bagi setiap subjek

Bil	Subjek	Catatan
1.	Pendidikan Al-Quran dan Tajwid	Ilmu berkaitan hafazan al-Quran seperti surah-surah yang ditetapkan oleh unit bahagian pendidikan Johor seperti ayat-ayat lazim, surah Yassin dan hukum tajwid penerapan ilmu dari skop memperkenalkan huruf-huruf seperti menyatakan dan membunyikan atau dengan berdasarkan sifat-sifat huruf luar seperti panjang, pendek, tebal, nipis, dengung dan sebagainya.
2.	Pendidikan Tauhid	Penerapan ilmu dari skop akidah sebagai satu pegangan utama dalam Islam iaitu al-Quran dan al-Hadith dengan berlandaskan ahli Sunnah Wal Jammah.
3.	Pendidikan Ibadah I	Penerapan ilmu berkaitan ibadah yang dituntut dalam Islam seperti mana yang dinyatakan dalam rukun Islam dan perbuatan-perbuatan ibadah lain seperti sembelihan, korban, aqiqah seperti mana yang ditetapkan oleh syarak.
4.	Pendidikan Ibadah II (Munakahat, Muamalat, Jenayat & Faraid)	Ilmu yang mengabung empat ilmu yang berkaitan sosial manusia terutama dalam muamalah antara manusia dengan manusia yang berpandukan ketetapan syarak.
5.	Pendidikan Akhlak	Penerapan ilmu yang berkaitan tentang penekanan akhlak dan adab sama ada dengan Allah, manusia atau makhluk yang lain.
6.	Pendidikan Sirah	Ilmu yang mendedahkan tentang sirah Nabawiyah iaitu sebelum dan selepas, zaman khulafa ar-Rasyidin dan zaman kegemilangan Islam.
7.	Pendidikan Bahasa Arab	Ilmu yang mendedahkan bahasa Arab dari segi komunikasi, penggunaan nahu dan sorof.
8.	Pendidikan Jawi	Penerapan ilmu jawi dengan memperkenalkan huruf-huruf <i>hijaiyah</i> serta cara penulisan jawi.
9.	Pendidikan Amali	Ilmu yang didedahkan pengamalan dari aspek ibadah dengan mempraktikkan seperti solat, cara bacaan dalam solat, wuduk, tayamum dan seumpamanya.

Berpandukan kandungan silibus tersebut, mendapati hampir semua di dalam buku teks sekolah agama Johor tidak menerapkan ilmu gender secara khusus tetapi kebanyakan hanya secara umum, seperti Ibadah II dalam mata pelajaran munakahat yang hanya menyatakan gender lelaki dan perempuan pada skop perkahwinan dan rumah tangga. Begitu juga dalam subjek Ibadah I dan amali yang menyatakan secara umum tentang perbezaan cara ibadah lelaki dan perempuan terutama bab solat. Manakala dari segi kandungan buku agama lain seperti Pendidikan Akhlak yang menyentuh tentang adab-adab yang berbeza gender secara umum contoh pergaulan dan aurat, Pendidikan Bahasa Arab dari segi skop penggunaan nahu dan soraf iaitu penggunaan *muzakar* dan *muannas* dalam sesuatu kalimah. Oleh itu, inti pati dalam buku teks sekolah agama Johor tiada pendedahan dalam memfokuskan ilmu gender dalam Islam secara khusus malah penyentuhannya ini hanya secara umum.

## CADANGAN

Masalah kecelaruan gender, keruntuhan akhlak dan penyelewengan daripada landasan hidup bersyariat hanya boleh diatasi melalui pendidikan agama, dan pendedahan sewajarnya bermula seawal peringkat kanak-kanak lagi. Pembacaan dan penghayatan agama sebagai panduan hidup perlu diamalkan seawal kecil lagi bagi menyemai dan menerapkan ketakwaan mereka kepada Allah. Penerapan seawal darjah satu hingga darjah enam iaitu umur tujuh tahun hingga 12 dalam kurikulum sekolah agama adalah amat bersesuaian.

Justeru penilaian semula terhadap kandungan silibus bagi setiap mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah agama Johor bagi tempoh tertentu adalah amat perlu, bertujuan untuk peningkatan, penambahbaikan dan kemajuan. Perancangan dan pembangunan kurikulum yang dibina serta diurus dengan baik dengan mengambil kira relevannya dengan keperluan semasa, akan berupaya melahirkan generasi yang berkualiti dan cemerlang dari segi keilmuan, keperibadian dan ketakwaannya.

Berikut adalah antara cadangan silibus berkaitan gender yang wajar diambil kira untuk diterapkan dalam kurikulum sekolah agama Johor:

Jadual 2: Senarai kandungan bagi setiap subjek

Bil	Subjek	Cadangan penambahan /pertukaran silibus
1.	Pendidikan Al-Quran dan Tajwid	- Selain berdasarkan surah-surah, ayat-ayat pilihan berkaitan kejadian dan peranan manusia. Perbezaan tanggungjawab lelaki dan perempuan.
2.	Pendidikan Tauhid	- Penerapan dalam rukun Islam (percaya kepada hari kiamat) pembalasan pada semua perbuatan termasuk mereka yang mengubah kejadian Allah. - Penerapan dalam rukun iman (percaya kepada qada dan qadar Allah) sebagai manusia menerima semua ketentuan Allah adalah sebagai ujian, walau berkaitan naluri berlainan gender.



3.	Pendidikan Ibadah I	- Selain perbezaan gender antara lelaki dan perempuan, penambahan pada khunsa. Berkaitan aurat, iman makmum dan sebagainya.
4.	Pendidikan Ibadah II (Munakahat, Muamalat, Jenayat & Faraid)	- Hukum berkahwin sesama jantina berdasarkan pendalilan daripada al-Quran dan al-hadis. - Permasalahan khunsa menurut padangan ulama mazhab.
5.	Pendidikan Akhlak	- Penerapan akhlak Islam adalah berdasarkan al-Quran dan al-sunnah, berbeza dengan akhlak transgender, LGBT dan sebagainya.
6.	Pendidikan Sirah	- Selain sirah nabi Muhamad s.a.w serta para sahabat, perlu pendedahan kepada sirah para nabi terdahulu antaranya pembalasan kepada kaum nabi Luth.
7.	Tafsir al-Quran	- Ayat-ayat pilihan berdasarkan tajuk, muslim yang baik atau sebaliknya. Ancaman pada mereka yang melanggar syariat termasuk mereka yang LGBT.
8.	Hadis	- Hadis-hadis berkaitan larangan dan laknat Allah kepada mereka yang menyerupai gender yang berbeza atau mengubah kejadian.

## KESIMPULAN

Ilmu gender ini bukan ilmu yang baru tetapi ilmu telah wujud sejak azali lagi melalui penjelasan dalam al-Quran. Secara umumnya, al-Quran telah membicarakan tentang gender ini dari pelbagai sudut antaranya melalui hubungan antara lelaki dan perempuan, hak-hak yang dimiliki dengan berdasarkan keupayaan, kemampuan dan kebijaksanaan gender tersebut. Kesamarataan ini telah diperakui al-Quran, di mana lelaki dan perempuan harus bersama-sama dalam semua keadaan. Bagi menjaga keseimbangan kehidupan, lelaki dan perempuan harus ada perbezaan agar masing-masing mempunyai fungsi dan tugas tersendiri yang boleh melengkapi antara satu sama lain. Dengan adanya ilmu gender ini, pendedahan yang diperoleh dapat diadaptasi dalam kehidupan, malah dapat mengenal pasti perbezaan fungsi dan peranan gender yang dimiliki. Oleh itu, ilmu gender ini perlu diperluaskan melalui penerapan dalam kandungan buku teks sekolah terutama di sekolah-sekolah agama Johor, agar dijadikan satu asas pengenalan untuk pengetahuan agama kepada murid sekolah. Ini juga salah satu langkah membendung anak-anak daripada peringkat awal daripada terjebak dengan norma-norma budaya negatif seperti transgender.

## RUJUKAN

- Ahmad Tarmizi Muhammad. 2016. Kes Kecelaruhan Jantina (Khuntha): Satu Analisis Dari Sudut Syarak dan Perubatan, *Jurnal Penyelidikan Islam*. Bil 27. Wilayah Persekutuan Putrajaya: JAKIM.
- Al-Humam Al-Maulana Sheikh Nizam. 2000. *al-Fatwa al-Hindiyyah*. Abdul Latif Hasan Abdul Rahman (pytg). Jil. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Muqaddisi, Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah. *Al-Mughni: As-Syarah al-Kabir a'la Matni*.
- An-Numari, Ibn Abd al-Bar. 1967. *At-Tamhid lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, Magribi, Beirut.
- Anon, *Kamus Dewan Bahasa*. 2013. Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- As-Sarakhi, Muhammad bin Ahmad bin Abu Suhhal. 2009 *Kitab al-Mabsut fi al-fiqh al-Hanafi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Baharom Mohamad & Mohd Johdi, 2009, *Pembangunan Modal Insan sebagai Satu Pelaburan Penting Dalam Konteks Pembinaan Negara*. Prosiding "Seminar Pembangunan Modal Insan 2009". Tema: kecemerlangan Modal Insan. 23-24 Mac 2009.
- Hairulazim Mahmud, Utusan Malaysia, 9 Julai 2003, *Ada Ibu Bapa Galak Anak Lelaki Berwatak Lembut Siti Zaharah*.
- Ibn 'Abd al-Bari. T.t. *al-Tamhid Lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*. Madinah: Maktabah al-Madinah al-Raqmiyyah.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. T.t. jld 6. *al-Mughni*. Beirut: Dar Ahya' al-Turath al-'Arabiyy:
- JAKIM. Tafsir Al-Qur'an Pimpinan al-Rahman. Selangor: Darul Fikir.
- Joyce M. Hawkin. 2014. *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar ed. Ke-5*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mohamad, A.H. (2014, 21 Desember). Bidangkuasa Persekutuan dan Negeri Mengenai Undang-undang Jenayah di Malaysia. Retrieved June 1, 2015, from Abdul Hamid Mohamad: <http://tunabdulhamid>.
- Mohd Idris Abdul Rauf Al-Marbawi. 1990. *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil, Azilah Mohamad Nor, Narimah Samat, Jas Laile Suzana Jaafar. 2012. Difusi Ruangan Budaya Transeksualiseme dan Imaginasi Geografi Pelajar Lelaki Berpenampilan Silang di Universiti Tempatan Malaysia. *Jurnal of Social Science and Humanities*. Selangor.
- Zaliha Tak. 1998. *Khuntha dan Mukhannath Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Zuhair Ahmad al-Saba'i dan Muhammad 'Ali al-Bar. 1993. *al-Tabib Adabuh wa Fiqhuh*. Cet. 1. Damsyik: Dar al-Qalam: